

Anwar arah penganjur LIMA '25 perkasa syarikat tempatan tembusi pasaran global

Kuala Lumpur: Perdana Menteri mengarahkan pihak penganjur Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2025 (LIMA '25) memperkasakan syarikat tempatan bagi menembusi pasaran antarabangsa.

Setiausaha Akhbar Kanan kepada Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah, berkata Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak mahu penganjuran LIMA '25 itu sekadar pameran semata-mata.

Sebaliknya, beliau berkata, inovasi terutama daripada sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) perlu diberi perhatian.

Katanya, penganjuran LIMA mampu memangkin pertumbuhan ekonomi dengan menarik pelaburan langsung asing dan merancang pelancongan serta perdagangan luar negara.

"Penganjuran ini mencerminkan komitmen Malaysia untuk terus memperkukuh kedudukan negara sebagai hab teknologi maritim dan aeroangkasa di peringkat serantau dan global.

"Justeru, Perdana Menteri menekankan bahawa LIMA 2025 bukan sekadar pameran aset



Pesawat pejuang Tentera Udara Diraja Malaysia menjalani latihan penerbangan sempena LIMA' 25 yang akan berlangsung pada 20 hingga 24 Mei ini. (Foto bernama)

dan teknologi tetapi medan strategik untuk membina kerjasama antara kerajaan, industri, institusi pendidikan.

"Ia juga bagi menghimpunkan pemain utama dalam sektor pertahanan dan penerbangan komersial, termasuk dalam bidang pembaikan dan pengubahsuaian (MRO), internet benda (IoT),

satelit dan teknologi angkasa," katanya dalam Taklimat Media Pejabat Perdana Menteri, semalam.

LIMA '25 yang berlangsung 20 hingga 24 Mei ini di Langkawi itu akan membawa tema 'Innovate Today, Thrive Tomorrow'.

Dalam pada itu, Tunku Nashrul berkata, Perdana Menteri tu-

rut mendoakan supaya semua urusan persediaan LIMA berjalan lancar.

"Perdana Menteri juga mengaluakan kehadiran pempamer, pelabur dan pelawat dari dalam dan luar negara bagi menjayakan LIMA sebagai antara edisi yang bermakna dalam sejarah penganjurannya," katanya.